



BAB 5: PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

5.1 SISTEM AHLI (m/s 117)

a) Maksud Sistem Ahli:

- Sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu.

b) Pencetus Idea Sistem Ahli:

1. Dicetuskan oleh Dato' Onn Jaafar
2. Sir Henry Gurney mencadangkan supaya Tanah Melayu melaksanakan model negara Rhodesia Utara dan Kenya.

c) Matlamat Sistem Ahli:

1. Selaras dengan hasrat British menjalankan dasar dekolonisasi.
2. Sistem ini akan mengurangkan tekanan daripad PKM.

d) Dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu bulan Februari 1950.

e) Dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955.

5.1.1 Ciri-ciri Sistem Ahli:

1. Satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat.
2. Anggotanya dikenali sebagai Ahli
3. Pelantikan ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi
4. Ahlinya terdiri daripada 9 orang anggota,
5 penduduk Tanah Melayu dan 4 orang pengawai Inggeris.
5. Ahli-ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

5.1.2 Pelaksanaan Sistem Ahli (m/s 118)**a) Pelaksanaan:**

1. Ahli yang dilantik diberi tugas menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa jabatan kerajaan.
2. Ahli mengurus pentadbiran harian jabatan mengikut dasar yang sedia ada.
3. Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang berkaitan dengan jabatan
4. Ahli perlu berbincang dengan pegawai-pegawai kanan British untuk mendapatkan persetujuan bersama.
5. Pesuruhjaya Tinggi memberikan arahan dan persetujuan dalam perkara yang dicadangkan.

b) Kepentingan :

1. Merupakan tapak asas yang penting untuk melatih orang tempatan ke arah bekerjaan sendiri
2. Melatih orang tempatan ke arah bekerjaan sendiri
3. Memulakan proses perpaduan kaum
4. Asas penting untuk menentukan kemerdekaan negara
5. Memberi pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk mentadbir.

5.2 PAKATAN MURNI (m/s 119 -121)**a) Maksud Pakatan Murni:**

- Usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan.
- Setiap kaum mempunyai tuntutan dan masalah yang tersendiri. Pakatan Murni merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum.

5.2.1 Langkah-langkah Ke arah Pakatan Murni PraPerikatan (m/s 119 -121)

1. Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara kaum @ Communities Liaison Committee (CLC) pada Januari 1949.

- Mulanya dianggotai oleh org Melayu dan Cina.
- Pd Ogos 1949 CLC dianggotai 6 pemimpin Melayu, 6 pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Lanka, Serani dan Eropah.

Hasil Perundingan UMNO-CLC beberapa perkara telah dipersetujui.

- Penubuhan lembaga Pembangunan Industri Desa @ Rural Industrial Development Authority (RIDA). Tujuan – memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutama kaum Melayu.
- Kerakyatan Negeri 1951. Kerakyatan ini diberi kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu. Syaratnya – ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu.
- Pilihanraya. Akan diadakan pd masa yang sesuai diperingkat perbandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

2. Pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu.

- Dicadangkan oleh Dato' Onn pd 1951.
- Cadangan beliau dikecam hebat.
- Masyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO.
- Beliau kemudiannya telah meninggalkan UMNO.

3. Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya @ Independent Malaya Party (IMP).

- Ditubuhkan oleh Dato' Onn Ja'afar menggunakan konsep kerjasama kaum dlm sebuah parti.
- IMP terbuka kepada semua kaum.
- Namun IMP gagal mendapat sambutan org Cina, India dan kaum lain.
- Kaum2 ini tidak merasakan bahawa mereka adalah sebagai satu bangsa Tanah Melayu.

4. Penubuhan Persidangan Kebangsaan

- Ditubuhkan pada Februari 1953 oleh Sir Malcolm MacDonald
- Tujuan – mencapai kerjasama politik bagi mengurangkan perasaan perkauman di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

5. Konvensyen Kebangsaan

- Dianjurkan oleh UMNO dan MCA
- Turut disertai pelbagai parti dan persatuan politik yang lain.
- Kerjasama ini telah mengasaskan pembentukan Parti Perikatan.

5.2.2 Perikatan serta Pilihanraya (m/s 121- 123)

1. Kerjasama UMNO-MCA telah memenangi Pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada 1952 dengan menang 9 daripada 12 kerusi.
2. Perikatan UMNO-MCA memenangi 26 daripada 37 kerusi dalam Pilihanraya bandaran bandar Utama.
3. Parti Perikatan memenangi 226 daripada 268 dalam Pilihanraya Negeri 1954.
 - Kemenangan ini menunjukkan pemuaifakatan kaum diterima oleh penduduk Tanah Melayu.
 - Kerjasama UMNO –MCA menjadi asas penubuhan Parti Perikatan
 - MIC Menganggotai Perikatan pada 1955.
4. Pemimpin Parti Negara , UMNO, MCA dan MIC menganggotai Jawatankuasa Pilihanraya majlis Mesyuarat Perundangan
 - Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi dalam Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955
 - Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri
 - Pembentukan kabinet yang terdiri daripada pelbagai kaum
 - Tunku Abdul Rahman mengetuai rundingan kemerdekaan

5.3 PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 (M/S 125)**5.3.1 Suruhanjaya Reid (m/s 125-126)**

- 1 Dibentuk pada Mac 1956 bagi membincangkan dan menyusun perlembagaan persekutuan.
- 2 Anggota Suruhanjaya Reid:
 - Lord Reid (Hakim British)
 - Sir Ivor Jennings
 - Sir William McKell
 - Tuan B. Malik
 - Tuan Abd. Hamid
- 3 Beberapa isu menjadi panduan suruhanjaya ini dalam merangka perlembagaan:
 - Kerajaan Persekutuan yang kuat
 - Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu.
 - Kedudukan Raja-raja Melayu.
 - Hak istimewa orang Melayu.
 - Pewujuan satu bangsa persekutuan.

5.3.2 Isi-isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 (m/s 127)

a) Antara isi pentingnya termasuk :

- Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan.
- Pemisahan antara kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.
- Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan.
- Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi. Prinsip *jus soli* diterima.
- Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan.
- Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.
- Tanah Simpanan Melayu dikekalkan.
- Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.
- Yang Di-pertuan Agong menjadi ketua negara.
- Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen.
- Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran dan beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri.

5.3.3 Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 (m/s 128 -130)

- Membolehkan pembentukan kerajaan demokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan .
- Pimpin Melayu dan bukan Melayu menyedari pakatan ini dapat mewujudkan perpaduan antara kaum.
- Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa pertumpahan arah.
- Memberi hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sesebuah negara berdaulat mengikut acuan sendiri.
- Setiap kaum berusaha untuk melahirkan identiti masyarakat yang merdeka.
- Perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa diketepikan.
- Penerusan kepada pembinaan negara dan bangsa yang kukuh, sistematik dan berperundangan.
- Unsur Kesultanan Melayu digabungkan dengan sistem birokrasi barat untuk membentuk identiti negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

5.3.4 Peranan Tokoh-Tokoh Kemerdekaan (m/s 131- 132)**1. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ**

- ❖ Presiden UMNO
- ❖ Ketua Parti Perikatran dan Perdana Menteri.
- ❖ Mengendalikan Pakatan Murni antara kaum.
- ❖ Kemerdekaan telah dapat dicapai dengan penuh harmoni dan gemilang.

2. TUN ABD RAZAK

- ❖ Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri
- ❖ Menjadi perunding tuntutan kemerdekaan di London pd tahun 1956.
- ❖ Menjadi perunding dalam menyiapkan Perlumbagaan Kemerdekaan 1957.
- ❖ Penggerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956.
- ❖ Dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia Kedua pada 1970.

3. TUN H.S LEE

- ❖ Tokoh MCA yang turut mencetuskan idea Parti Perikatan.
- ❖ MCA bekerjasama dengan UMNO dan MIC bagi mendapatkan kemerdekaan negara pada tahun 1957.

4. TAN CHENG LOCK

- ❖ Presiden MCA
- ❖ Penyokong Tunku Abd Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan negara.

5. TUN V. T SAMBANTHAN

- ❖ Presiden MIC
- ❖ Bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negara.
- ❖ Menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum.
- ❖ Menyeru kaum India supaya memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara.